

Rakyat 1Malaysia (BR1M) dijawab bersekali memandangkan isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu mengenai statistik penerima dan juga perancangan BR1M pada masa hadapan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah YB Segambut pada 16.06.2015, YB Gerik pada 16.06.2015 dan YB Sibul pada 16.06.2015. *

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. BR1M juga akan meningkatkan perbelanjaan rakyat seterusnya membantu dalam memacu ekonomi dan menjana pertumbuhan perniagaan domestik.

BR1M telah bermula pada tahun 2012. Secara keseluruhannya, sehingga tahun 2015, sebanyak RM13 bilion telah diperuntukan bagi pengagihan BR1M yang memanfaatkan hampir 7.2 juta penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kewangan tiada pecahan penerima BR1M mengikut kaum dan masyarakat. Pecahan penerima BR1M mengikut tahun adalah seperti berikut:

	2012		2013		2014		2015	
	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM	Bil	RM
JUMLAH	4.1 juta	2.1 bil	6.8 juta	2.9 bil	7 juta	3.6	7.2 juta	5.2 bil

Tuan Yang di-Pertua,

BR1M hanya diberikan kepada mereka yang lulus tapisan semakan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan. Bagi mengurangkan ketirisan dan memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M, proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh setiap tahun dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Sekiranya terdapat penerima yang mengadu masih belum menerima BR1M mereka, semakan boleh di mana-mana cawangan LHDN atau dengan menghubungi hotline 1-800-88-2716.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kewangan akan meneruskan inisiatif BR1M pada masa akan datang bagi membantu meringankan beban perbelanjaan harian rakyat yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan meneliti dan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya objektif Kerajaan ke arah peralihan subsidi bersasar tercapai. Pelaksanaan Program BR1M ini juga perlu mengambil kira keupayaan kedudukan kewangan Negara dan pengukuhan dasar fiskal kerajaan.